KORIDOR UTARA MALAYSIA™



Mencapai Kegemilangan! • *Reach for the Stars!*

1 KORIDOR UTARA


**HEAD OFFICE:**

**NORTHERN CORRIDOR IMPLEMENTATION AUTHORITY**
Level 20 & 21, Menara KWSP
No. 38 Jalan Sultan Ahmah Shah
10050 George Town
Pulau Pinang
Tel: + (604) 2382888
Fax: + (604) 2382998

**BRANCH OFFICES:**

**NCIA TECHNOLOGY DEVELOPMENT CENTRE**
Plot No. 36
Bayan Lepas Industrial Estate
Phase 4, 11900 Bayan Lepas
Pulau Pinang
Tel: + (604) 6169600
Fax: + (604) 6169700

**ALOR SETAR**
Aras 2 (East Wing)
Menara Bina Darul Aman
88 Lebuhraya Darulaman
05100 Alor Setar
Kedah Darul Aman
Tel: + (604) 7329881
Fax: + (604) 7342881

**CYBERJAYA**
Unit B-3-01
SME Technopreneur Centre Cyberjaya
2270 Jalan Usahawan 2, Cyber 6
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
Tel: + (603) 83201301
Fax: + (603) 83201306


**www.koridorutara.com.my**

Laporan Tahunan **2011** *Annual Report*



*Image courtesy of The Westin Langkawi Resort & Spa*

## KANDUNGAN

*CONTENTS*


Wawasan dan Misi 02-03
*Vision and Mission*

Penubuhan dan Objektif 04-05
*Establishment and Objectives*

Perutusan Pengerusi 06-11
*Statement by the Chairman*

Ahli-Ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 12-13
*Members of the Northern Corridor Implementation Authority*

Jawatankuasa Pengurusan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 14
*Northern Corridor Implementation Authority's Management Committee*

Jawatankuasa Audit Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 15
*Northern Corridor Implementation Authority's Audit Committee*

Pengurusan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 16-17
*Northern Corridor Implementation Authority's Management*

Carta Organisasi NCIA 18-19
*NCIA Organisation Chart*

Kenyataan Ketua Eksekutif 20-25
*Statement by the Chief Executive*





Sektor Pertanian 30-39
*Agriculture Sector*

Sektor Pembuatan 40-47
*Manufacturing Sector*

Sektor Pelancongan 48-55
*Tourism Sector*

Sektor Logistik 56-65
*Logistics Sector*

Sektor Pendidikan dan Modal Insan 66-71
*Education and Human Capital Sector*

Penyata Kewangan 72-107
*Financial Statement*

Ibu Pejabat dan Pejabat-Pejabat NCIA 108
*NCIA Head Office and NCIA Offices*



## WAWASAN

*VISION*

Untuk menjadi wilayah ekonomi bertaraf dunia menjelang 2025 bagi masyarakat untuk melabur, bermastautin, mendapatkan ilmu pengetahuan dan membina keluarga dalam persekitaran yang selamat, bersih dan lestari.

*To be a world-class economic region of choice by 2025 to invest in, to live in, to work, to acquire knowledge, to visit and to raise families in a safe, clean and sustainable environment.*

## MISI

*MISSION*

01. Mempercepatkan pembangunan ekonomi dengan menggerakkan sektor-sektor ekonomi teras iaitu pertanian, pembuatan, pelancongan, dan logistik ke arah peningkatan dalam rantaian nilai

    *To accelerate economic growth by developing core economic sectors, namely agriculture, manufacturing, tourism and logistics.*

02. Menangani ketidakseimbangan sosioekonomi

    *To address socio-economic imbalances*

03. Meningkatkan kapasiti pengetahuan dan inovasi

    *To raise the capacity for knowledge and innovation*

04. Memperbaiki kualiti hidup

    *To improve the quality of life*

05. Memperkukuh institusi dan kapasiti pelaksanaan

    *To strengthen institutional and implementation capacity*



# PENUBUHAN DAN OBJEKTIF
## *ESTABLISHMENT AND OBJECTIVES*

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab menentukan arah tuju, dasar serta strategi berhubung dengan pembangunan sosioekonomi di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang meliputi 21 daerah dalam wilayah utara Semenanjung Malaysia di negeri-negeri Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang.

Objektif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara adalah untuk:

1. Menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan NCER supaya menjadi suatu wilayah ekonomi bertaraf dunia dan destinasi pilihan bagi pelaburan, pekerjaan dan kehidupan; serta

2. Memastikan pembangunan sosial dan pembangunan mampan diutamakan dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi di dalam NCER.

*The Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) was established under the Northern Corridor Implementation Authority Act 2008 (Act 687) as the authority responsible for providing direction and for devising policies and strategies in relation to socio-economic development in the Northern Corridor Economic Region (NCER), which encompasses 21 districts in northern Peninsular Malaysia in the states of Kedah, Perak, Perlis and Penang.*

*The objectives of the Northern Corridor Implementation Authority are:*

1. *To promote and accelerate the development of the NCER into a world-class economic region and a choice destination for investment, work and living; and*

2. *To ensure that social development and sustainable development are kept as priorities whilst driving economic growth in the NCER.*



# PERUTUSAN PENGERUSI

## *STATEMENT BY THE CHAIRMAN*

***Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak***

Pengerusi • *Chairman*

**PERDANA MENTERI MALAYSIA**

# PERUTUSAN PENGERUSI

## *STATEMENT BY THE CHAIRMAN*

Syukur Alhamdulillah, dengan rahmat dan limpah kurnia-Nya, Malaysia terus mengecapi keamanan dan kejayaan meskipun sesetengah negara lain masih dilanda pergolakan dan kegawatan ekonomi. Walaupun berdepan dengan latar belakang yang mencabar ini, pada tahun 2011 kita masih mengekalkan dua matlamat yang menjadi keutamaan kita seperti tahun-tahun sebelumnya. Pertama, mengekalkan kemampanan ekonomi; dan yang kedua ialah mewujudkan asas kemakmuran jangka panjang serta pembangunan yang saksama. Kita telah berjaya menunjukkan kebolehan dan keupayaan negara dalam mengharungi perjalanan ke arah mencapai Wawasan 2020.

Pencapaian yang ditunjukkan oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Udara (NCIA) adalah merupakan salah satu contoh kejayaan, yang telah berjaya meletakkan asas kukuh bagi transformasi ekonomi di Koridor Utara.

Inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan untuk sektor Pertanian, Pembuatan, Pelancongan, Logistik serta Pendidikan dan Modal Insan telah mencapai matlamatnya dan memberi kesan positif kepada rakyat. Pada tahun 2011, NCIA telah berjaya menarik penglibatan sektor swasta di Koridor Utara berjumlah RM9.9 bilion, mengatasi jumlah yang dicatatkan pada tahun 2010 iaitu RM6.08 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 62.8%. Di sebalik pergolakan ekonomi dunia, jumlah ini merupakan suatu pencapaian yang boleh dibanggakan.

Malaysia mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai sebuah negara yang mempunyai daya saing yang lebih baik daripada 142 buah negara di seluruh dunia seperti yang dilaporkan oleh *Global Competitiveness Report 2011-2012*. Berdasarkan laporan tersebut, Malaysia menduduki tangga ke-21 berbanding di tangga ke-26 pada tahun 2010.

Sumbangan Koridor Utara terhadap peningkatan daya saing negara adalah ketara, di mana prestasi NCIA pada tahun lepas telah mendapat pengiktirafan daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) kerana telah berjaya mencatatkan jumlah Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang tertinggi, iaitu sebanyak RM15.3 bilion.

Daya saing ini adalah kunci kepada kejayaan bagi mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Bagi mencapai kejayaan yang lebih memberangsangkan, Kerajaan telah memberi mandat kepada NCIA untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif dengan sektor swasta agar prestasi pembangunan ekonomi di Koridor Utara dapat terus dipertingkatkan. Alhamdulillah, usaha-usaha gigih yang dijalankan setakat ini telah menghasilkan kesan yang positif.

Demi meneruskan kesinambungan kejayaan ini, Koridor Utara perlu memanfaatkan sumber-sumber sedia ada, kawasan geografi serta kekayaan warisan bagi memacu pertumbuhan ekonomi di empat sektor teras. Kerajaan akan terus menyediakan insentif-insentif yang bersesuaian di dalam usaha untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif, dengan NCIA memainkan peranan penting sebagai pemboleh dan pemudah cara kepada syarikat-syarikat tempatan dan luar negara di dalam menerajui pertumbuhan ekonomi di Koridor Utara.

*Syukur Alhamdulillah, with His grace and blessings, Malaysia continues to be a peaceful and successful nation, despite the turmoil and economic uncertainties affecting other countries in the world. In 2011, as in the previous years, our two main priorities have been economic sustainability; and the building of long-term foundation for prosperity and equitable development. Despite the various challenges, we have demonstrated our capability and resilience in our journey to emerge as a developed nation by 2020.*

*The achievements of the Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) stand as an example of how the building blocks of the economic transformation have been put in place in Koridor Utara.*

*Initiatives undertaken under Agriculture, Manufacturing, Tourism, Logistics and Education & Human Capital sectors have achieved their desired objectives, resulting in positive impact on the Rakyat. Last year, NCIA has secured private sector investments in Koridor Utara worth RM9.9 billion, which is a 62.8% increase from the RM6.08 billion achieved in 2010. In light of the prevailing economic scenario, this is indeed a most commendable achievement.*

*Malaysia attained international recognition as one of the more competitive nations out of 142 economies in the world as reported in the Global Competitiveness Report 2011-2012. Based on the same report, Malaysia managed to move up five places in the rankings to number 21, as compared to 26 in 2010.*

*The contribution of Koridor Utara to the enhancement of our nation's competitiveness has been significant, whereby NCIA was recognised by the Malaysian Investment Development Authority (MIDA) for its success in securing the highest Foreign Direct Investment (FDI) of the year amounting to RM15.3. billion.*

*This competitiveness will be a critical element in our agenda to move towards becoming a high-income nation by the year 2020. To ensure greater success, the government has mandated NCIA to implement numerous initiatives in collaboration with the private sector in order to continue developing Koridor Utara. Alhamdulillah, the hard work that has been carried out so far has yielded positive results.*

*In continuing the success story, Koridor Utara must capitalise on its existing resources, geographical spread as well as its rich heritage to propel economic growth in its four key thrust areas. The Government will continue to provide relevant incentives to create a conductive environment, with NCIA playing the crucial role of enabler and facilitator to local and international investors, promoting private sector-led growth in the region.*

*NCIA's initiatives have created employment and business opportunities for the local communities, improved standards of living, as well as engaging the Rakyat in the overall development process. NCIA's programmes and initiatives in collaboration with the private sector in the rural areas alone have generated more than 2,000 new job opportunities.*

## PERUTUSAN PENGERUSI

## *STATEMENT BY THE CHAIRMAN*

Inisiatif-inisiatif NCIA telah membantu menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan kepada masyarakat setempat, meningkatkan taraf hidup serta melibatkan rakyat dalam proses pembangunan secara keseluruhannya. Inisiatif-inisiatif dan program-program kerjasama NCIA bersama sektor swasta di kawasan luar bandar telah berjaya menghasilkan lebih dari 2,000 peluang perkerjaan baru.

Kejayaan yang dicapai ini juga adalah berkat kesungguhan dan tekad oleh NCIA di samping keupayaan bekerjasama dengan semua pihak dari sektor awam seperti kerajaan negeri Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang, kementerian-kementerian, agensi-agensi Kerajaan dan sektor swasta serta pemegang-pemegang berkepentingan lain. Inisiatif-inisiatif oleh agensi-agensi kerajaan seperti UKAS, MIDA, PEMANDU, TERAJU, SMECorp, BiotechCorp dan Malaysia Debt Ventures (MDV) telah dimudahcara melalui model perkongsian kerjasama NCIA. Dengan momentum ini, saya berkeyakinan bahawa Koridor Utara berada di landasan yang tepat untuk mencapai objektif menjadi sebuah wilayah ekonomi bertaraf dunia menjelang tahun 2025.

Marilah kita bersama-sama memberikan komitmen yang padu bagi merealisasikan agenda transformasi negara. Saya berharap NCIA akan terus memainkan peranan penting dalam agenda transformasi serta pembangunan, agar setiap lapisan rakyat dapat menikmati faedahnya. Saya percaya NCIA akan terus mencatatkan prestasi yang lebih tinggi pada tahun-tahun yang mendatang.

**DATO' SRI MOHD NAJIB**

*The success that has been achieved is a direct result of NCIA's determination and resolve, as well as its ability to collaborate with all relevant parties from the public sector such as the state governments of Kedah, Perak, Perlis, and Penang, ministries, government agencies as well as the private sector and other stakeholders.*

*Initiatives by other government agencies such as UKAS, MIDA, PEMANDU, TERAJU, SMECorp, BiotechCorp and Malaysia Debt Ventures (MDV) were also vital under the NCIA's collaborative engagement model. With this momentum, I am confident that Koridor Utara is on the right track to achieve its objective to be a world-class economic region by 2025.*

*Let us together continue to give our full commitment towards realising the nation's transformation agenda. I hope NCIA will continue to play their role in economic transformation and development so that the Rakyat will be able to enjoy the benefits. I am confident that NCIA will continue to grow from strength to strength in the coming years.*

***DATO' SRI MOHD NAJIB***

# AHLI-AHLI PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

## *MEMBERS OF THE NORTHERN CORRIDOR IMPLEMENTATION AUTHORITY*



PERDANA MENTERI MALAYSIA (PENGERUSI)

*PRIME MINISTER OF MALAYSIA (CHAIRMAN)*

Yang Amat Berhormat
Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak



MENTERI BESAR KEDAH

*CHIEF MINISTER OF KEDAH*
Yang Amat Berhormat
Dato' Seri Ustaz Azizan bin Abdul Razak



MENTERI BESAR PERAK

*CHIEF MINISTER OF PERAK*
Yang Amat Berhormat
Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abd. Kadir



MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

*MINISTER IN THE PRIME MINISTER'S DEPARTMENT*
Yang Berhormat
Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop



MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

*MINISTER IN THE PRIME MINISTER'S DEPARTMENT*
Yang Berhormat
Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon





TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

*DEPUTY PRIME MINISTER OF MALAYSIA*

Yang Amat Berhormat
Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin



MENTERI BESAR PERLIS

*CHIEF MINISTER OF PERLIS*
Yang Amat Berhormat
Dato' Seri Dr. Md. Isa bin Sabu



KETUA MENTERI PULAU PINANG

*CHIEF MINISTER OF PENANG*
Yang Amat Berhormat
Tuan Lim Guan Eng



KETUA SETIAUSAHA NEGARA

*CHIEF SECRETARY TO THE GOVERNMENT*

Yang Berbahagia
Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan



PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN SIME DARBY BERHAD

*PRESIDENT & GROUP CHIEF EXECUTIVE OF SIME DARBY BERHAD*
Yang Berbahagia
Dato' Mohd Bakke bin Salleh

## JAWATANKUASA PENGURUSAN PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

## *NORTHERN CORRIDOR IMPLEMENTATION AUTHORITY'S MANAGEMENT COMMITTEE*

**Pengerusi** • *Chairman*

**YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan** — Ketua Setiausaha Negara
*Chief Secretary to the Government*

**Ahli-Ahli** • *Members*

**YBhg. Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah** — Ketua Setiausaha Perbendaharaan
*Secretary General of Treasury*

**YBhg. Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa** — Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta
*Director General of the Public Private Partnership Unit*

**YB. Dato' Abdul Puhat bin Mat Nayan** — Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
*Perak State Secretary*

**YB. Dato' Farizan bin Darus** — Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
*Penang State Secretary*

**YB. Dato' Seraja Setia Dato' Paduka Haji Rasli bin Basir** — Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
*Kedah State Secretary*

**YB. Dato' Azizan bin Hamid** — Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
*Perlis State Secretary*

**YBhg. Dato' Azlin bin Alias** — Pengawai Khas kepada YAB Perdana Menteri
*Special Officer to the Prime Minister*

**YBhg. Dato' Ir. Jauhari bin Hamidi** — Wakil Sime Darby Berhad
*Representative of Sime Darby Berhad*

## JAWATANKUASA AUDIT PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

## *NORTHERN CORRIDOR IMPLEMENTATION AUTHORITY'S AUDIT COMMITTEE*

**Pengerusi** • *Chairman*

**YB. Dato' Azizan bin Hamid** — Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
*Perlis State Secretary*

**Ahli-Ahli** • *Members*

**YB. Dato' Farizan bin Darus** — Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
*Penang State Secretary*

**YBhg. Dato' Rahim bin Abu Bakar** — Wakil Kementerian Kewangan
*Representative of Ministry of Finance*

**YBhg. Dato' Ahmad Husni bin Hussain** — Wakil Unit Kerjasama Awam Swasta
*Representative of the Public Private Partnership Unit*

**Encik Razali bin Che Mat** — Wakil Unit Perancang Ekonomi
*Representative of the Economic Planning Unit*

## PENGURUSAN PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

## *NORTHERN CORRIDOR IMPLEMENTATION AUTHORITY'S MANAGEMENT*




01 Dato' Redza Rafiq
02 Rosmin bin Mohamed
03 Zuhairi bin Mohmad
04 Ir. WM Cheang
05 Yusof bin Ishak
06 Farizal bin Jaafar
07 Kuan Eu Jin
08 Jariyah binti Hashim

# CARTA ORGANISASI NCIA

*NCIA ORGANISATION CHART*





## KENYATAAN KETUA EKSEKUTIF

*STATEMENT BY THE CHIEF EXECUTIVE*

**"Koridor Utara merupakan pemangkin kepada pertumbuhan baru melalui strategi-strategi yang dijalankan dan sokongan padu daripada semua pihak; dan ini yang memberikan manfaat yang menyeluruh kepada industri dan Rakyat secara amnya."**

***"Koridor Utara is a catalyst for new growth, with development strategies and contributions from multiple stakeholders towards 'growth' solutions that will benefit the industry and Rakyat as a whole."***

**DATO' REDZA RAFIQ**
Ketua Eksekutif • *Chief Executive*

Pada tahun lalu, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara ("NCIA") telah mencapai prestasi yang membanggakan dari segi pertumbuhan ekonomi, di mana pelbagai inisiatif telah berjaya dilaksanakan dalam usaha untuk terus membangunkan Koridor Utara.

NCIA telah bekerjasama dengan sektor swasta untuk memacu pertumbuhan ekonomi di Koridor Utara demi merealisasikan aspirasi Kerajaan dan juga Rakyat. NCIA memahami bahawa setiap jenis perniagaan itu adalah unik dan mempunyai cara yang tersendiri untuk dilaksanakan; dan selaras dengan hakikat ini, NCIA telah memainkan peranan sebagai pemudahcara dengan menyemarakkan penyertaan sektor swasta di empat teras utama di Koridor Utara iaitu pertanian, pembuatan, pelancongan dan logistik. Selain daripada menyediakan prasarana dan ekosistem yang kondusif, NCIA turut membantu menyelaras hubungan kerjasama di antara sektor swasta dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat.

Di samping itu, NCIA juga telah berjaya mewujudkan rangkaian dan jaringan sokongan di samping menyediakan kemudahan khusus serta keperluan modal insan yang diperlukan. Kelebihan NCIA dapat dilihat menerusi kerjasama yang berterusan dengan sektor swasta bermula dari fasa awal pelaburan sehinggalah pelaburan tersebut berjaya bertapak di Koridor Utara.

Walaupun kita diuji dengan keadaan ekonomi global yang mencabar, saya amat berbangga dengan kejayaan yang telah dicapai oleh NCIA pada tahun 2011. Kerjasama NCIA dan sektor swasta telah berjaya menarik pelaburan berjumlah RM9.9 billion, iaitu peningkatan sebanyak 62.8% berbanding dengan RM6.08 billion pada tahun sebelumnya. Negeri-negeri di Koridor Utara telah mendapat manfaat yang besar hasil daripada inisiatif-inisiatif yang telah di laksanakan. Lebih membanggakan, dari Januari 2010 ke Disember 2011, sebanyak 26,267 peluang pekerjaan telah berjaya diwujudkan, dan ini melepasi sasaran awal iaitu di antara 20,000 sehingga 22,000 peluang pekerjaan.

**Sektor Pertanian**

NCIA telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan keupayaaan bidang-bidang tertentu seperti akuakultur, hortikultur, penanaman padi dan juga aktiviti-aktiviti hiliran yang berkaitan. Pada tahun lepas, seramai 30,000 orang petani telah berjaya meningkatkan hasil padi menerusi mechanisation dan Model Pengurusan Estet. Selain itu, NCIA juga telah berkerjasama dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dengan menyediakan 9 buah setor simpanan baja. Inisiatif ini telah membantu seramai 20,818 orang petani menguruskan jadual penanaman padi dan pembajaan dengan lebih teratur dan berkala.

**Sektor Pembuatan**

Sektor ini terus menjadi penyumbang utama bagi membantu Koridor Utara ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi. NCIA berperanan sebagai pemangkin dalam menggalakkan kerjasama di antara industri dan akademia untuk meningkatkan daya saing negara dalam sektor pembuatan. Bagi mencapai tujuan ini, Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST) Center telah ditubuhkan, dengan tiga bidang utama iaitu penyelidikan dan pembangunan, pembangunan kemahiran dan pengkomersilan. Sejak penubuhannya, sebanyak 17 permohonan projek R&D yang berpotensi telah dinilai; dan pelaksanaan projek-

*Last year was a landmark year for the Northern Corridor Implementation Authority ("NCIA") in terms of development, whereby various initiative have been successfully implemented in our drive to deliver tangible economic benefits to Koridor Utara.*

*The NCIA leverages on private sector endeavour to drive Koridor Utara's development agenda in order to realise the aspirations of the Government as well as the Rakyat. In doing so, we recognise that each business is unique; and we recognise that each business will have its own way of doing things. To this end, the NCIA facilitates private sector participation in the four key thrust areas of agriculture, manufacturing, tourism and logistics by providing the industry with an enabling eco-system. In addition to this, we also provide support and assistance in the coordination with government agencies by creating linkages and networks, by matchmaking entrepreneur support, by enabling purpose-built facilities for businesses; and by addressing the human capital requirements of companies.*

*The key differentiator for the NCIA is our ability to engage with the private sector, right from pre-investment stage, through to the investment stage, as well as keeping close contact with them once investment has landed into Koridor Utara.*

*Therefore, I am happy to share that in 2011, despite the challenging global economic backdrop and its impact on developing countries, we successfully secured RM9.9 billion by way of private sector participation, which is a 62.8% increase compared to last year's figure of RM6.08 billion. The four (4) states that form Koridor Utara had benefited hugely from the NCIA's initiatives with the private sector in 2011. From January 2010 to December 2011, 26,267 job opportunities were created, exceeding the original target set for the year of 20,000 to 22,000.*

***Agriculture***

*In the agriculture sector, NCIA facilitated and launched capacity-building initiatives in aquaculture, horticulture, paddy and the corresponding downstream activities. Through our initiatives such as mechanisation and Estate Management Model, 30,000 farmers enjoyed higher paddy yield last year. Our collaboration with the respective Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) in providing 9 fertiliser storage facilities has also allowed 20,818 farmers to better manage their planting schedules due to better consistency in fertiliser supply.*

***Manufacturing***

*The manufacturing sector continues to be the mainstay to attain high income status in Koridor Utara. NCIA plays a catalytic role in encouraging collaboration between the academia and the industry to further enhance our national competitiveness in manufacturing. Towards this end, the Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST) Center was established to focus on research and development (R&D), talent development and commercialisation. Since its establishment, a total of 17 R&D projects have been reviewed; and these are expected to commence by mid-2012. The speed and quality of our response and support have received glowing commendations from industry leaders.*

***Tourism***

*Tourism in Koridor Utara was given a massive boost especially for Langkawi when our Honourable Prime Minister, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak launched the Langkawi Tourism*

projek tersebut dijangka akan bermula pada pertengahan 2012. Keberkesanan NCIA sebagai pemudahcara telah mendapat perhatian dan penghargaan daripada semua pihak termasuklah peneraju-peneraju industri.

**Sektor Pelancongan**

Pulau Langkawi mendapat perhatian istimewa apabila Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, telah melancarkan Blueprint Pelancongan Langkawi 2011–2015 pada Disember 2011. NCIA merupakan salah satu penyumbang utama dalam pembentukan blueprint tersebut yang mengandungi 14 inisiatif untuk meningkatkan pembangunan Pulau Langkawi menjadi sebuah pulau terkemuka di dunia pada tahun 2015. NCIA akan berperanan sebagai pemudahcara kepada sektor swasta dalam pembinaan lima buah hotel bertaraf 5 bintang di Langkawi dalam tempoh lima tahun.

**Sektor Logistik**

Kerajaan telah menyalurkan dana yang besar untuk meningkatkan taraf kemudahan pengangkutan dan infrastrukstur logistik bagi memastikan ianya seiring dengan pertumbuhan ekonomi serta kadar pertambahan penduduk di Koridor Utara. Di sini, NCIA akan terus memanfaatkan sistem pengangkutan dan infrastruktur logistik ini dengan penambahbaikan strategik serta memperkenalkan perkhidmatan logistik khusus untuk memberi sokongan nilai tambah yang berkesan kepada pertumbuhan sektor pertanian, pembuatan dan pelancongan.

**Pendidikan dan Modal Insan**

Selain daripada empat teras utama, pembangunan modal insan juga merupakan salah satu komponen penting dalam usaha memastikan pertumbuhan yang mampan di Koridor Utara. Saya dengan sukacitanya ingin melaporkan bahawa NCIA telah berjaya melaksanakan inisiatif-inisiatif strategik hasil dari kerjasama dengan industri dan akademia yang bermatlamat untuk mewujudkan tenaga kerja mahir dan profesional bagi kesemua sektor teras tersebut. Inisiatif-inisiatif ini telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan Rakyat seiring dengan agenda Kerajaan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan menyeluruh.

Saya ingin mengiktiraf sokongan yang berterusan daripada kerajaan-kerajaan negeri, kementerian dan agensi-agensi berkaitan yang telah menyumbang kepada kejayaan NCIA serta perkembangan pesat Koridor Utara. Dengan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat; dan berharap sokongan serta kerjasama seumpama ini dapat diteruskan demi mencapai objektif Koridor Utara.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi dan ahli-ahli NCIA, yang sentiasa sudi berkongsi pengalaman serta memberikan panduan dalam membentuk halatuju NCIA. Selain itu, terima kasih yang tidak terhingga kepada semua warga kerja NCIA di atas sumbangan serta dedikasi mereka sepanjang tahun ini di dalam usaha untuk memastikan pembangunan yang mampan di Koridor Utara.

Koridor Utara mencapai kegemilangan!

Sekian, terima kasih.

**DATO' REDZA RAFIQ**
**KETUA EKSEKUTIF**

*Blueprint 2011 - 2015 in December 2011. NCIA had played a key role in the development of the blueprint, which produced 14 initiatives to transform the island into one of the world's top island resorts by 2015. To this end, NCIA will help facilitate the private development of five new 5-star hotel projects over the next five years in Langkawi.*

***Logistics***

*The Government continues to invest heavily in improving the transport and logistics infrastructure in Koridor Utara in order to keep pace with its economic and population growth. NCIA continues to leverage on this to better support the agriculture, manufacturing and tourism sectors with strategic enhancements and the introduction of niche logistics services.*

***Education and Human Capital***

*While the 4 key thrust areas of Koridor Utara have all shown considerable progress, talent development is one of the most critical elements that is required to ensure the sustainable development of Koridor Utara. I am happy to report that NCIA has implemented strategic initiatives with the industry and academia to create a pool of skilled workers and professionals in all our key thrust areas. These initiatives have contributed to enhancing the income levels of the Rakyat, in line with the Government's balanced and inclusive economic growth agenda.*

*NCIA owes its success to the continuous support of the public sector, including the state governments, relevant ministries and agencies, as well as the participation of the private sector. I wish to express my heartfelt gratitude to them and seek their continuous support in achieving Koridor Utara's objectives in the upcoming years.*

*I would also like to take this opportunity to express my gratitude to the Chairman and Council members of the NCIA for sharing their wisdom and guidance with the NCIA management team. Last but not least, I wish to thank all our staff for their contribution and dedication for the year.*

*Koridor Utara - Reach for the stars!*

*Thank you.*

***DATO' REDZA RAFIQ***
***CHIEF EXECUTIVE***

## PROGRAM-PROGRAM

*PROGRAMMES*

## SEKTOR PERTANIAN

*AGRICULTURE SECTOR*



***Yusof bin Ishak***
Pengarah, Bahagian Pertanian • *Director, Agriculture Division*

**"Dengan sokongan kerajaan untuk memberi penekanan terhadap sektor pertanian, pelbagai inisiatif strategik sedang dilaksanakan di Koridor Utara. Objektif NCIA adalah untuk membangun, mengukuh dan mengekalkan produktiviti menerusi gabungan teknologi dan kemahiran."**

***"With the government's support to revitalize the agricultural sector, many strategic initiatives are being implemented in Koridor Utara. Our objective is to build, enhance and sustain productivity through the integration of technology and talent."***



Sangkar ikan kerapu program akuakultur Sungai Menghulu, Langkawi, Kedah

Koridor Utara merupakan salah satu lokasi strategik di dalam usaha Kerajaan untuk memantapkan jaminan makanan negara. Oleh itu, usaha NCIA di dalam sektor pertanian tertumpu kepada peningkatan pengeluaran padi, di samping menjana potensi bidang pertanian yang lain seperti akuakultur, hortikultur, ternakan dan aktiviti hiliran. Pengeluaran makanan yang mampan adalah penting untuk membantu pembangunan negara selain dapat mengurangkan pergantungan kepada sumber makanan import. Sebanyak 40% daripada tanah pertanian di Koridor Utara digunakan untuk penanaman padi, mewakili lebih dari 60% daripada jumlah tanah penanaman padi di Semenanjung Malaysia.

NCIA berperanan sebagai pemudahcara kepada sektor swasta dalam mengenalpasti peluang-peluang baru di Koridor Utara demi mengukuhkan peranan sektor pertanian sebagai salah satu pemacu pertumbuhan ekonomi negara. Sejajar dengan agenda pertumbuhan yang menitikberatkan kesamarataan sosial, pembabitan NCIA dengan sektor swasta di dalam sektor pertanian di Koridor Utara telah dapat meningkatkan pendapatan dan taraf kehidupan komuniti setempat.

## AKUAKULTUR

Kajian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah menunjukkan bahawa 32% daripada ikan global telah dieksploitasi secara berlebihan, manakala 90% daripada spesis ikan bersaiz besar hampir pupus sejak setengah abad yang lalu - kehidupan laut yang semakin terancam. Kajian daripada Jabatan Perikanan Malaysia juga telah menunjukkan kadar penangkapan ikan yang berlebihan di negara ini. Peningkatan permintaan terhadap ikan dan produk berasaskan ikan telah mendorong NCIA untuk mengembangkan lagi industri ini. Justeru, sektor akuakultur di Koridor Utara kini sedang pesat berkembang dengan pelbagai aktiviti dari penternakan hingga pemprosesan.

### Penternakan Ikan Kerapu di Langkawi

NCIA telah bekerjasama dengan pihak Progressive Ocean Sdn Bhd (POSB) bagi melaksanakan projek penternakan ikan kerapu di Sungai Menghulu, Langkawi, Kedah mulai Ogos 2010. Sebagai permulaan, sebanyak 880 sangkar ikan telah disediakan dan hasil kutipan yang pertama dijadualkan pada April 2012. Fasa kedua inisiatif ini, yang bermula pada Jun 2011,

*Koridor Utara is one of the key focal areas that play a role in realising the Government's food security agenda. Food production is essential to the development of the nation while minimizing the reliance on imports. Over 60% of the total land for paddy in Peninsular Malaysia is located in Koridor Utara; and 40% of the land classified for agricultural use in Koridor Utara has been deployed for paddy cultivation. Hence our efforts in the sector are focused towards improving paddy production as well as harnessing the potential of other key areas such as aquaculture, horticulture, livestock and downstream activities.*

*As enabler and facilitator to the private sector, NCIA aims to explore opportunities in Koridor Utara to reinforce the role of agriculture as a driver for economic growth. In line with Koridor Utara's agenda of "Growth with Social Equity", NCIA's engagements with the private sector enable the local communities to get involved in economic activities to enhance their income and well-being.*

## *AQUACULTURE*

*The United Nations reports that 32% of global fish stocks are overexploited; and around 90% of large species have been fished out in the past half-century - marine species now face threats that are unprecedented in human history. In Malaysia, reports from the Fisheries Department indicate that exploitation has reached maximum sustainable yield. This ever-increasing demand for fish and processed fish products prompted NCIA to extensively develop this growth area. Fueled by this demand, the aquaculture sector in Koridor Utara is thriving, with activities ranging from the cultivation to high-tech processing.*



*Grouper nursery centre*

### *Grouper Fish Farming in Langkawi*

*In collaboration with Progressive Ocean Sdn Bhd (POSB), NCIA has been involved in the development of Grouper fish farms since August 2010 in Sungai Menghulu, Langkawi, Kedah. This initiative commenced with 880 marine cages, where the first harvest is scheduled to be in April 2012. The second phase of this initiative started in June 2011, featuring the development of a hatchery centre, where 16 aquapreneurs and 54 local workers are involved in nursing and processing activities. Local fishermen have also benefitted by selling their non-saleable catch to POSB to be used as fish feed.*



*Visit of dignitaries to farm site*



Ladang satelit ternakan udang putih di Sungai Kerang, Perak

akan merangkumi pembangunan pusat pembenihan yang melibatkan aktiviti penjagaan dan pemprosesan oleh 16 usahawan dan 54 pekerja tempatan. Di samping itu, nelayan-nelayan tempatan juga meraih manfaat, di mana POSB membeli tangkapan nelayan yang lazimnya tidak dapat dijual untuk dijadikan makanan ikan.

**Penternakan Udang dan Pemprosesan Makanan Laut di Perak**

NCIA telah menjalin kerjasama dengan Acefront Industries Sdn Bhd (Acefront) untuk menternak udang serta menguruskan kemudahan memproses hasil akuakultur di Kamunting, Taiping, Perak. Hasil pertama tangkapan udang pada November 2011 adalah sebanyak 40 tan metrik; dan ini telah dieksport ke pasaran permintaan tinggi seperti Korea (22 tan metrik/sebulan) dan Arab Saudi (50 tan metrik/sebulan). Bagi pasaran tempatan, hasil tangkapan udang telah dibekalkan kepada pasaraya terkemuka seperti Mydin (12 tan metrik/sebulan) dan Isetan.

Selain itu, kilang pemprosesan yang diuruskan oleh Acefront merupakan salah sebuah kilang daripada tiga kilang di Koridor Utara yang mematuhi standard Kesatuan Eropah (EU). Kilang ini menggunakan teknologi moden seperti penyejukbekuan segera dan pengeringan yang menggunakan tenaga solar untuk menghasilkan ikan salai dan ikan kering.

Manakala, aktiviti NCIA di Sg. Kerang, Trong, Perak telah mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penternak-penternak kontrak. Pusat pengumpulan makanan laut yang dibangunkan oleh Acefront turut menjadi sumber pendapatan tambahan bagi nelayan-nelayan di kawasan ini.

NCIA juga bekerjasama dengan Hannan Corporation Sdn Bhd dan Misaki Suisan Pte Ltd untuk membina Kompleks Akuakultur Selinsing khusus untuk penternakan dan pemprosesan udang di Selinsing, Perak. Kerjasama ini bakal menggunakan teknologi akuakultur dan pemprosesan terkini untuk memenuhi keperluan eksport antarabangsa. Sebanyak 500 kolam telah disediakan dan dijangka akan melahirkan 100 usahawan dan mewujudkan 1,000 peluang pekerjaan.

**Program Ikan Hiasan di Perak**

Kerjasama di antara NCIA dengan E-Arowana Trading Sdn Bhd melibatkan penternakan, pembekalan dan pemasaran ikan Arowana. Sebanyak 44 buah kolam beserta kemudahan





*Tunnel freezer for deep freezing*

***Shrimp Farming and Seafood Processing in Perak***

*NCIA established a successful partnership with Acefront Industries Sdn Bhd (Acefront) to cultivate shrimp and fresh water fish, as well as to manage operations of a fish processing facility in Kamunting, Taiping, Perak. The first harvest of 40 metric tonnes of shrimp was produced in November 2011. The exports were primarily to the high-demand markets such as Korea (22 metric tonnes/month) and Saudi Arabia (50 metric tonnes/month). Locally, the produce was supplied to popular retail chains such as MYDIN Supermarket (12 metric tonnes/month) and Isetan Supermarket.*

*Similarly, the processing plant managed by Acefront is one of three EU certified plants in Koridor Utara which features modern technology such as deep freezing (almost instantaneous freezing) and photovoltaic drying utilizing solar energy to produce smoked and dried fish.*

*NCIA's venture in Sg. Kerang, Trong, Perak has resulted in the creation of job and business opportunities for contract farmers. The collection centres set-up by Acefront provides an additional source of income for in-shore fishermen in the area.*

*NCIA also collaborated with Hannan Corporation Sdn Bhd and Misaki Suisan Pte Ltd to establish the Selinsing Aquaculture Complex primarily for shrimp farming and processing in Selinsing, Perak. The joint venture utilises the latest farming and processing technologies to meet international export requirements. As part of this initiative, a total of 500 ponds are being developed; and this is expected to create 100 entrepreneurs and 1,000 job opportunities.*



*Arowana harvesting process*

***Ornamental Fish Programme in Perak***

*NCIA's collaborative initiative with E-Arowana Trading Sdn Bhd, involves the breeding, supply and marketing of Arowana fish. Under this initiative, a 44-pond facility has been set up to provide value added support programmes such as breeding techniques for other Arowana entrepreneurs. Similarly, it also features a Collection Centre, where other Arowana farmers can market their products in bulk. This initiative has successfully created 25 new job opportunities for the local community.*

*In undertaking various catalytic initiatives in aquaculture, NCIA's assistance has improved the living conditions of the local communities, by providing jobs, business opportunities and raising their socio-economic status.*

untuk teknik pembiakan telah dibangunkan. Program ini turut menyediakan pusat pengumpulan untuk penternak Arowana memasarkan produk mereka secara pukal. Inisiatif ini telah berjaya mewujudkan 25 peluang pekerjaan baru kepada komuniti setempat.

Secara keseluruhan, penglibatan NCIA di dalam bidang akuakultur ini telah menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti kehidupan komuniti setempat, di samping menaikkan taraf sosioekonomi mereka.

## PADI



Benih semaian padi sedia ditanam menggunakan transplanter

Program SawahKU Maju telah dilaksanakan dengan matlamat untuk meningkatkan hasil padi. Melalui program ini, NCIA telah mempertingkatkan usaha dalam memperbaiki sistem pengairan dan kemahiran pertanian. Dalam pada itu, NCIA juga memastikan bekalan baja yang mencukupi kepada para petani supaya mereka boleh menguruskan jadual penanaman padi dan pembajaan dengan lebih teratur dan berkala.

Antara usaha-usaha untuk membantu peningkatan hasil padi pada tahun 2011 adalah pelaksanaan Program Pengurusan Estet Padi di Batu Kurau, Perak, Beseri, Perlis dan Sik, Kedah, yang melibatkan kawasan seluas 350 hektar. Selain daripada itu, pembinaan 9 buah stor baja turut memberi manfaat kepada 20,818 petani di kawasan ini.

## HORTIKULTUR

Di bawah sub-sektor hortikultur, NCIA telah membangunkan Pusat Latihan Amali Usahawan Tani untuk operasi rumah hijau. Pusat latihan di Bukit Kura, Kuala Nerang, Kedah ini dijangka akan memulakan operasi pada Julai 2012. NCIA dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan berkaitan dan JPB Asia Pacific Sdn Bhd akan menggunakan pusat ini untuk melatih sekurang-kurangnya 6 usahawan tani dalam kemahiran hortikultur bagi setiap pengambilan. Selepas tamat latihan di Bukit Kura, usahawan tani akan mengusahakan tapak latihan rumah hijau di Ara Kuda, Tasek Gelugor, Pulau Pinang bagi tujuan menghasilkan cili dan tembikai wangi.

NCIA juga menggalakkan penanaman 3 tanaman utama iaitu pisang, betik dan nenas di Koridor Utara. Bagi penanaman pisang, NCIA telah bekerjasama dengan I-Corn (M) Sdn Bhd (I-Corn) untuk membangunkan tanah seluas 200 ekar yang dijangka mampu mewujudkan 20 petani kontrak dan menjana peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Petani kontrak di ladang pisang ini dijangka akan meraih pendapatan sebanyak RM4,000/sebulan hasil jualan tanaman mereka berdasarkan perjanjian belian dengan I-Corn sebagai syarikat utama.

Pendekatan yang serupa turut digunakan bagi inisiatif kerjasama di antara NCIA dengan Kedah Agro Holdings Sdn Bhd untuk penanaman betik di kawasan seluas 200 ekar



*Paddy estate in Batu Kurau, Perak*

## *PADDY*

*The SawahKU Maju programme has been implemented to improve paddy yield. Through this programme, NCIA has facilitated efforts to enhance irrigation systems, farming skills as well as to stabilise fertilizer supply to farmers. This would ensure that farmers have access to sufficient fertilizer supply in order to match planting schedules.*

*Some of the continuing efforts initiated in 2011 include the implementation of the Paddy Estate Management Programmes in Batu Kurau, Perak, Beseri, Perlis and Sik, Kedah involving a total area of 350 hectares to help improve paddy yield; and the construction of nine fertilizer storage facilities to benefit 20,818 farmers in the region.*



*Infrastructure improvement on the road and drainage system*



*Greenhouse under construction in Bukit Kura, Kedah*

## *HORTICULTURE*

*Under the horticulture sub-sector, NCIA is currently developing an Agropreneur Practical Training Centre for greenhouse operations. It is located at Bukit Kura, Kuala Nerang, Kedah and is expected to begin operations in July 2012. NCIA, in collaboration with related government agencies and JPB Asia Pacific Sdn Bhd, aims to utilise this Centre to train at least 6 agropreneurs per batch and equip them with new horticultural skills. NCIA is currently constructing a greenhouse farm to complement the training centre in Ara Kuda, Tasek Gelugor, Pulau Pinang. This greenhouse farm will be utilised in the future by the agroprenuers to produce chillies and rock melons.*

*NCIA also encouraged the production of three (3) main crops namely banana, papaya and pineapple in Koridor Utara. For banana production, NCIA collaborated with I-Corn (M) Sdn Bhd (I-Corn) to develop 200 acres, which is expected to create twenty (20) contract farmers and generate employment opportunities for the local community. The contract farmers of the banana farm are expected to earn RM4,000/month, selling their produce based on a guaranteed buy-back arrangement with I-Corn as the anchor company.*

*The same approach was adopted in NCIA's engagement with Kedah Agro Holdings Sdn Bhd for papaya cultivation, totalling 200 acres, offering 40 contractual jobs and creating 20 agropreneurs in Bukit Tangga, Kedah. For pineapple farming, NCIA collaborated with Green Agro Sdn Bhd, to develop 317 acres of pineapple farm in Kubang Pasu and Pendang, Kedah, involving 18 contract farmers. The first harvest is expected in December 2012.*

di Bukit Tangga, Kedah. Kerjasama ini akan mewujudkan 20 usahawan tani dan menawarkan 40 peluang pekerjaan kontrak. Bagi tanaman nenas, NCIA bekerjasama dengan Green Agro Sdn Bhd untuk membangunkan ladang nenas seluas 317 ekar di Kubang Pasu dan Pendang, Kedah. Kerjasama ini melibatkan 18 petani kontrak dan hasil pertama dijangka akan diperolehi pada Disember 2012.

### INDUSTRI HILIRAN

Usahasama NCIA dan Seleraku Trading Sdn Bhd (STSB) pada 2011 telah melepasi sasaran untuk melahirkan 100 usahawan. STSB, yang merupakan syarikat yang telah menjayakan inisiatif Burger Oblong, kini telah berjaya melahirkan 128 usahawan di Koridor Utara.

> "STSB mendapat suntikan semangat bagi mengembangkan lagi perniagaan apabila NCIA memberi dorongan serta peluang.
>
> Kini, setelah hampir 2 tahun dibimbing oleh NCIA, STSB telah berupaya menggandakan pengeluaran sehingga 15MT sehari berbanding 500 keping daging burger sehari sebelumnya.
>
> STSB amat bersyukur dan amat berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia khasnya kepada NCIA di atas peluang yang telah diberikan bagi mengembangkan lagi perniagaan STSB."
>
> **Puan Zunita Binti Nordin**
> Pengarah Urusan
> Seleraku Trading Sdn Bhd

Selain itu, NCIA bekerjasama dengan Zinon Food Industry Sdn Bhd (Zinon), dalam pembuatan mi segera dan pes masakan dalam paket. Seramai 121 orang daripada masyarakat setempat akan diambil bekerja di kilang Zinon. Bagi meluaskan pembabitan sektor swasta di luar bandar, NCIA dan Zinon telah melancarkan program menanam rebung madu dengan petani setempat di Sik, Kedah. Program ini telah bermula pada Januari 2012 dan merangkumi kawasan seluas 150 ekar.

### Pusat Pengumpulan Produk Pertanian Lembah Jerai

NCIA dan Kedah Agro Industry & Marketing Berhad telah bekerjasama bagi membangunkan pusat pengumpulan produk pertanian dan kemudahan pemprosesan nenas. Antara objektif pusat pengumpulan ini adalah untuk mengumpul pelbagai buah-buahan tempatan dan menggred nenas untuk diproses menjadi jus dan produk-produk lain. Program yang bermula pada Ogos 2011 ini bakal mewujudkan 100 peluang pekerjaan dan 88 usahawan baru.



Pusat Pengumpulan Produk Pertanian Lembah Jerai di Sungai Petani, Kedah


Pusat pemprosesan nenas

### *DOWNSTREAM INDUSTRIES*

*NCIA's engagement with Seleraku Trading Sdn Bhd (STSB) in 2011 has surpassed its stated target of creating 100 entrepreneurs. STSB, the company that has successfully launched the Oblong Burger initiative, has in fact created 128 entrepreneurs in Koridor Utara.*

*Similarly, NCIA collaborated with Zinon Food Industry Sdn Bhd, for the manufacturing of instant noodles and packed cooking pastes. A total of 121 members of the local community will be employed in Zinon's factory. As part of NCIA's efforts to broaden private sector involvement in rural areas, NCIA is collaborating with Zinon on a programme to plant Rebung Madu (a species of edible bamboo shoots) with local farmers in Sik, Kedah. Set to operate in January 2012, a total of 150 acres will be planted with Rebung Madu.*

### *Pusat Pengumpulan Produk Pertanian Lembah Jerai*

*NCIA and Kedah Agro Industry & Marketing Berhad jointly initiated a collection and processing centre with the objective of providing a centre for the collection of local agricultural produce; and the grading of pineapples to be processed into juice and other value-added products. This programme commenced on August 2011; and is expected to create 100 jobs and produce 88 new entrepreneurs.*


*Construction of Zinon Food Industry's factory*


*Ministers' visit to the Oblong burger stall*


*Oblong burger stall*


*Zinon Food Industry's package products*

## SEKTOR PEMBUATAN

*MANUFACTURING SECTOR*




***Ir. WM Cheang***
Pengarah, Bahagian Pembuatan • *Director, Manufacturing Division*

**"Sebagai penyumbang kepada hampir 40% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di wilayah ini, industri pembuatan di Koridor Utara bersedia untuk bergerak ke rantaian nilai yang lebih tinggi; dan menjadi salah satu hab bersepadu utama di dunia bagi sektor pembuatan menjelang 2020."**

***"Contributing to nearly 40% of the region's Gross Domestic Product (GDP), the manufacturing industry in Koridor Utara is geared to move up the value chain, emerging as one of the premier integrated manufacturing hubs in the world by 2020."***



Pusat CREST bertempat di bangunan sains@usm, Bukit Jambul, Pulau Pinang

Usaha NCIA dalam sektor ini tertumpu kepada penyediaan infrastruktur sokongan utama bagi menarik pelaburan asing di samping memperluaskan penglibatan sektor swasta. Ini akan meningkatkan daya saing secara keseluruhan serta menjadi asas bagi pembangunan industri pembuatan yang pesat di Koridor Utara.

Pada tahun 2011, NCIA telah berperanan sebagai pemboleh dan pemudahcara strategik kepada industri pembuatan.

## PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN (CENTRE OF ENGINEERING EXCELLENCE, CEE)

Seiring dengan hasrat dan objektif CEE, NCIA telah melantik Tetuan Frost & Sullivan untuk menyediakan rangka tindakan strategik yang akan membantu mengorak perkongsian mampan serta membina platform kerjasama bagi projek penyelidikan dan pembangunan yang diterajui industri, khususnya dalam sektor Elektrik dan Elektronik (E&E). Usaha ini telah dilaksanakan bersama-sama dengan syarikat-syarikat utama yang terlibat di dalam sektor E&E.

Rangka Tindakan Strategik CEE ini telah dikemukakan kepada NCIA pada Januari 2011. Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan dan maklum balas industri, CEE kini dikenali sebagai CREST atau Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST). Majlis Ekonomi Negara, yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, telah meluluskan inisiatif CREST, yang didaftarkan sebagai entiti korporat pada 30 Jun 2011. Pusat CREST kini ditempatkan di bangunan sains@usm di Bukit Jambul, Pulau Pinang.

CREST akan memberi penumpuan kepada tiga bidang iaitu penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembangunan kemahiran dan pengkomersilan. Pelaksanaan inisiatif strategik dalam bidang-bidang ini adalah penting untuk meraih dan mencapai potensi sebenar sektor E&E, sepertimana yang diunjurkan di bawah Program Transformasi Ekonomi Negara.

Bagi membina keupayaan dan kapasiti industri, CREST akan menggunakan strategi perkongsian perkhidmatan bersama dengan pihak industri, universiti tempatan dan institusi penyelidikan antarabangsa. Sejak penubuhannya, CREST melalui panel penilaiannya telah menilai sebanyak 17 permohonan projek R&D daripada pihak industri dan akademia. Projek-projek R&D ini akand ilaksanan akan pada tahun 2012 dan hasil penyelidikantersebut akan digunapakai oleh industri.

> *"I thought when we were dealing with a government agency, the process will be lengthy, but I was wrong. The NCIA worked as a very efficient corporate entity; and its response was much faster than expected, so much so that it was the government that had to wait for our response…..and I am pleased to say that AMD has made the right decision in engaging with NCIA."*
>
> ***Dato' Dr. Mohd Sofi Osman***
> ***Managing Director & Corporate Vice President***
> ***Advanced Micro Devices Penang***

*Our efforts in the sector are focused towards establishing priority support infrastructure to secure anchor investors and broaden private sector involvement. This will improve our overall competitiveness and will be the bedrock for the establishment of a robust manufacturing industry in Koridor Utara.*

*Our achievements in 2011 highlight our role as a strategic enabler and facilitator to assist the industry to move up the value chain.*

## *CENTRE OF ENGINEERING EXCELLENCE (CEE)*

*In keeping with the original intent and objectives of the CEE, NCIA had earlier appointed Messrs Frost & Sullivan to devise a strategic blueprint, which will help forge sustainable partnerships and establish a collaborative platform for industrial-led research and development projects, especially in the Electrical and Electronics (E&E) sector. This was undertaken with the support of the industry players.*

*The roadmap was tabled and presented to NCIA in January 2011. Arising from the findings of the study, and subsequent inputs from the industry players, the CEE is now known as CREST - Collaborative Research in Engineering, Science and Technology. With approval from the Economic Council, chaired by the Prime Minister of Malaysia, CREST Centre was registered as a corporate entity on 30th June 2011. The CREST Centre is currently located in sains@usm building in Bukit Jambul, Pulau Pinang.*

*The role of CREST as a premier centre will be to focus on the three key areas of research & development, talent development and commercialisation. The implementation of strategic initiatives in these areas would be paramount to harness and achieve the full potential of the E&E sector as projected under the Government's Economic Transformation Programme.*

*CREST acknowledges the need to promote shared services to build capability and capacity, and will work towards bringing together industry players, local universities and international research institutions. Since its incorporation, CREST has shortlisted seventeen (17) R&D project applications from relevant industry players and academia, which have already been reviewed by a joint evaluation panel for implementation in 2012. The research findings and outcomes will be adopted by the industry.*



*Fundamentals of CREST*



Peserta-peserta program NCADD

## PUSAT KECEMERLANGAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK (COE E&E)

Salah satu daripada bidang yang ditumpukan di dalam sektor pembuatan ialah kepada sub-sektor Elektrik & Elektronik (E&E) yang menjadi salah satu dari asas pembangunan ekonomi negara sejak 40 tahun lalu. COE E&E NCIA, yang diasaskan pada tahun 2009, terus menyumbang kepada pembangunan keupayaan dan menjadi tarikan kepada syarikat-syarikat tempatan ke Koridor Utara.

COE E&E ini menawarkan kemudahan reka bentuk Litar Bersepadu (IC) yang canggih dan terkini; dan ianya dianggotai oleh 40 jurutera reka bentuk yang merangkumi keseluruhan rantaian nilai semikonduktor. Pusat ini dilengkapi dengan peralatan dan berupaya menawarkan perkhidmatan reka bentuk IC kepada pelbagai syarikat tempatan dan multinasional (MNC).

COE E&E juga bekerjasama erat dengan pihak industri dan akademia dalam membangunkan keseluruhan rangka kerja pembangunan modal insan, merangkumi program latihan, kursus pendek, seminar dan ceramah teknikal bagi memenuhi keperluan industri.

Pusat ini telah melatih 26 siswazah melalui Program Reka Bentuk Analog & Digital Koridor Utara (NCADD), yang melayakkan mereka untuk menyertai Program Sarjana Universiti Sains Malaysia (USM). Program bagi kumpulan kedua seramai 24 siswazah pelatih dalam Reka Bentuk Analog dijangka akan tamat pada awal tahun 2012.

## PUSAT KECEMERLANGAN BAGI PERKHIDMATAN JENTERA & KEJURUTERAAN (COE M&E)

Salah satu cabaran kritikal yang dihadapi oleh sektor Perkhidmatan Jentera & Kejuruteraan adalah untuk membangunkan teknologi rintis tempatan dan merebut peluang pasaran baru. Justeru, sebagai langkah untuk menyahut cabaran ini, COE M&E telah ditubuhkan pada Ogos 2011 bertempat di Pusat Pembangunan Teknologi NCIA (NTDC), Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Sejak Oktober 2011, sebuah syarikat pengendali telah dilantik untuk menguruskan operasi pusat ini. Pusat ini telah bekerjasama dengan beberapa buah syarikat M&E di Koridor Utara bagi meneroka dan membangunkan inisiatif kejuruteraan.



*" NCIA and Dato Redza have been staunch pioneers driving for CREST project. They have taken extraordinary leadership to clear the path towards creation of the very first industry led collaboration in research and development for E&E industry in Penang. A great beginning."*

***Mr. Ooi Boon Chye***
*Senior Vice President*
*Avago Technologies Penang*



*Research & Development projects evaluation*

## *CENTRE OF EXCELLENCE FOR ELECTRICAL & ELECTRONICS (COE E&E)*

*Another focus of the manufacturing division is the Electrical & Electronics (E&E) sub-sector, which has been the nation's economic foundation for the past 40 years. NCIA's COE E&E, which was initiated in 2009, continues to contribute to build capacity and attract local enterprises to Koridor Utara.*

*The COE E&E offers advanced and state-of-the-art Integrated Circuit (IC) design facilities through its dedicated team of 40 design engineers covering the entire semiconductor value chain. The Centre is currently fully equipped and capable of offering IC design services to various multi-national companies (MNCs) and local companies.*

*The Centre worked closely with its industry partners and the academia, to devise a comprehensive human capital development framework, with structured training programmes, short courses, seminars and technical talks to cater to industry requirements.*

*The Centre also provided training for 26 graduate trainees in the Northern Corridor Analog & Digital Design (NCADD) programme, which has made them eligible for the USM Masters Degree Programme. The second batch of 24 graduate trainees in Analog Design is expected to complete the programme by early 2012.*

## *CENTRE OF EXCELLENCE FOR MACHINERY & ENGINEERING SERVICES (COE M&E)*

*One of the most critical challenges facing the Machinery & Engineering Services sector in Malaysia is the development of home-grown frontier technologies and tapping new market opportunities. One of the solutions to meet this challenge is the establishment of the COE M&E in August 2011. Currently, the COE M&E is located in the NCIA Technology Development Centre (NTDC) in Bayan Lepas, Pulau Pinang.*

*Since October 2011, an operator has been appointed to manage the operations of the Centre. Several M&E companies in Koridor Utara have been engaged to explore and develop joint engineering initiatives.*



Kerja-kerja pembinaan Pusat Bioteknologi



Perkhidmatan kejuruteraan yang disediakan oleh COE & M&E

## PUSAT BIOTEKNOLOGI

Bioteknologi telah dikenalpasti sebagai salah satu bidang pertumbuhan ekonomi baru yang akan memacu transformasi ke arah negara maju menjelang 2020. Bagi menyokong agenda nasional ini, NCIA sedang membangunkan Pusat Bioteknologi Koridor Utara (BTC) di Penang Science Park, Bukit Minyak, Pulau Pinang.

Pembinaan BTC telah bermula pada April 2011 dan dijangka siap pada akhir tahun 2012. BTC merupakan inkubator perkhidmatan penuh dan hab inovasi selain menyediakan perkhidmatan sokongan bagi pembangunan perniagaan, peralatan perkongsian guna-bayar serta kemudahan-kemudahan lain. Pusat Perkhidmatan Sokongan Sumber (RSSC) di BTC yang dilengkapi peralatan dan ruang untuk makmal akan menyediakan perkhidmatan sokongan kepada syarikat-syarikat yang berkenaan untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Bagi melonjakkan sektor pertanian ke rantaian nilai yang lebih tinggi, NCIA juga menubuhkan Pusat Kecemerlangan Bioteknologi Pertanian (COE Agri Bio) pada tahun 2011. NCIA telah mengadakan kerjasama strategik dengan Syarikat Kedah BioResources (KBioCorp), Malaysia Biotechnology Corporation (Biotechcorp), USM dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) untuk membangunkan Nod Sains Tumbuhan dan Kultur Tisu bagi menghasilkan tanaman yang berkualiti dan produktif.

Satu lagi inisiatif yang dilaksanakan oleh COE Agri Bio ialah Program Pembangunan Usahawan Tani di bawah naungan MTDC. Program ini disokong oleh perjanjian kerjasama di antara Malaysian Technology Consultants Sdn. Bhd. (MTC) dan USM yang telah ditandatangani pada September 2011. Pada Disember 2011, seramai 40 orang telah berjaya dilatih di dalam program ini.

## TAMAN PERINDUSTRIAN TEKNOLOGI TINGGI KULIM (KHTP)

Taman Perindustrian Teknologi Tinggi Kulim (KHTP) yang meliputi kawasan seluas 1,700 hektar di negeri Kedah Darul Aman merupakan taman teknologi tinggi yang pertama di Koridor Utara. Taman teknologi ini diuruskan oleh Perbadanan Taman Teknologi Kulim (KTPC) dengan penglibatan pelabur bernilai tinggi yang diwakili oleh Persatuan Pengusaha Syarikat Perindustrian Kulim (KITA).

Bagi mengukuhkan misi KHTP sebagai taman perindustrian penyelidikan, NCIA telah melantik KPMG Business Advisory Sdn Bhd pada tahun 2011 bagi menjalankan kajian dan menyediakan strategi perniagaan jangka panjang untuk KHTP. Laporan dan cadangan lengkap telah dikemukakan pada Disember 2011 kepada Jawatankuasa Pemandu yang dibentuk khusus untuk tujuan ini.






*Document exchange ceremony with Kedah BioResources Corporation on 23 June 2011*

## *BIOTECH CENTRE*

*Biotechnology has been identified as one of the new economic growth areas that will accelerate Malaysia's transformation into a developed nation by 2020. In supporting this national agenda, NCIA is currently constructing the Koridor Utara Biotech Centre (BTC) in Penang Science Park, Bukit Minyak, Pulau Pinang.*

*The construction of the BTC commenced in April 2011 and is expected to complete by end of 2012. The BTC will be a full-service incubator and a hub for innovation, providing support for business development, shared pay-per-use instrumentation and other facilities. A Resource Support Services Centre (RSSC) in BTC with amenities and space for laboratories and other value-added elements will also be made available for supporting companies to grow their businesses.*

*To move the agriculture sector up the value chain, NCIA also established a Centre of Excellence for Agricultural Biotechnology (COE Agri Bio) in 2011. NCIA, via strategic partnerships with Kedah BioResources Corporation (KBioCorp), Malaysia Biotechnology Corporation (Biotechcorp), USM and Malaysia Technology Development Corporation (MTDC), kick started the initiative to develop the Plant Science and Tissue Culture Node to facilitate the production of high quality and high yield crop varieties.*

*Another initiative undertaken by the COE Agri Bio was the implementation of an Agropreneur Development Programme under the auspices of MTDC. The programme is supported by a cooperation agreement signed in September 2011 between Malaysian Technology Consultants Sdn. Bhd. (MTC) and USM. By December 2011, 40 graduates had successfully completed the programme.*




*Kulim Hi-Tech Park, Kulim, Kedah*

## *KULIM HI-TECH PARK (KHTP)*

*In Koridor Utara, Kulim Hi-Tech Park (KHTP) is the first high-technology park, covering over 1,700 hectares of land in Kedah Darul Aman. The park is currently managed by Kulim Technology Park Corporation (KTPC), with involvement of high-value stakeholders, represented by the Kulim Industrial Tenants Association (KITA).*

*To further the mission of KHTP as a research industrial park, NCIA engaged KPMG Business Advisory Sdn Bhd in 2011 to undertake a study on formulating long-term competitive business strategies for KHTP. The full findings and recommendations were presented in a report to a Steering Committee specially set up for this purpose in December 2011.*



## SEKTOR PELANCONGAN

*TOURISM SECTOR*



***Farizal bin Jaafar***
Pengarah, Bahagian Pelancongan • *Director, Tourism Division*

**"Objektif NCIA adalah untuk memperkukuhkan sektor pelancongan dengan memanfaatkan dua laluan masuk antarabangsa ke Koridor Utara (Langkawi dan Pulau Pinang), di samping mewujudkan tarikan baru serta menyegarkan semula tarikan sedia ada. NCIA akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif strategik untuk meningkatkan kadar purata tempoh penginapan serta perbelanjaan pelancong."**

***"Our objective has been to add new vigour to the Tourism sector by leveraging on our two international gateways (Langkawi & Penang), while creating new attractions and re-invigorating existing ones. We will continue to target an increase in the tourists' average length of stay as well as their average spending through strategic initiatives."***

# SEKTOR PELANCONGAN

*TOURISM SECTOR*

Malaysia merupakan salah satu destinasi pelancongan terkemuka di dunia, dan tersenarai di tempat ke-10 dan ke-15 tempat teratas dari segi ketibaan dan perbelanjaan pelancong. Koridor Utara memainkan peranan utama dalam menyumbang kepada kejayaan sektor pelancongan di negara ini melalui tarikan alam semulajadi, kepelbagaian kebudayaan dan citarasa makanan, pelancongan kesihatan serta pelbagai pilihan berdasarkan tahap kemampuan pelancong. Walau bagaimanapun, masih lagi terdapat banyak peluang untuk meningkatkan daya tarikan pelancongan bagi pertambahan hasil di samping mewujudkan lebih banyak aktiviti ekonomi.

## PEMBANGUNAN MAMPAN HUTAN TROPIKA BELUM-TEMENGOR



Tapak kem pelancongan sedia ada, Sungai Kejar, BTTR

Hutan Tropika Belum-Temengor (BTTR) berpotensi besar untuk dibangunkan sebagai destinasi eko-pelancongan ulung yang menyediakan aktiviti dan kemudahan bagi menarik ketibaan pelancong yang berkemampuan. Namun begitu, keupayaan semua pihak berkenaan untuk memastikan kelestarian BTTR adalah penting di dalam menarik lebih ramai pelancong dalam tempoh jangka panjang.



Tapak kem pelancongan sedia ada, Sungai Tiang, BTTR

NCIA telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perak, agensi-agensi persekutuan yang berkaitan dan pakar-pakar industri bagi merangka Pelan Induk Bersepadu (IMP) BTTR yang merangkumi pelan-pelan pemuliharaan, pembangunan dan pengurusan. IMP telah menyediakan garis panduan rasmi bagi pihak pengurusan mentadbir seluruh kawasan BTTR. Strategi serta pelan tindakan telah dirangka untuk memastikan aktiviti pembangunan mematuhi garis panduan bagi Hab Malaysia Mega Biodiversiti (MMBH).

IMP dijangka siap dan akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Perak pada suku kedua tahun 2012.



*Aerial view of Pulau Banding, BTTR*

*Malaysia is recognised globally as one of the world's leading tourism destinations, ranking top 10 in terms of arrivals and top 15 in terms of receipts. Koridor Utara plays a leading role in this national success, as it is blessed with a heritage of rich natural attractions, culture, cuisine, healthcare and wellness services and a diverse range of choices based on differing levels of affordability. Nevertheless, there are many opportunities to scale up these tourism offerings to enhance revenue and create more economic activities for Koridor Utara.*

## *SUSTAINABLE DEVELOPMENT OF THE BELUM-TEMENGOR TROPICAL RAINFOREST*

*The Belum-Temengor Tropical Rainforest (BTTR) has tremendous potential to be developed into a premier ecotourism destination that provides high-value activities and facilities to attract high-yield tourists. However, this hinges heavily upon our ability to ensure its sustainability in the long run.*

*Recognising this, NCIA is working together with the Perak State Government, relevant federal agencies and a panel of industry specialists to develop an Integrated Master Plan (IMP) for the BTTR, which consists of plans covering conservation, development and management. The IMP provides the BTTR site management team with guidelines to govern the entire BTTR area, in addition to strategies and action plans to ensure that development activities comply with the Malaysia Mega Biodiversity Hub (MMBH) guidelines.*

*The IMP is scheduled to be completed for hand-over to the Perak State Government in the second quarter of 2012.*



*Existing base camp site, Sungai Papan, BTTR*

## ZOO TAIPING DAN NIGHT SAFARI

Zoo Taiping yang berusia 50 tahun dan Night Safari merupakan ikon pelancongan yang dapat menarik kehadiran para pelancong dari dalam dan luar negara. Night Safari juga mendorong para pelancong untuk bermalam di Taiping dan secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan permintaan untuk bilik penginapan, pengendali pelancong dan pengusaha makanan. Kerja-kerja menaik taraf zoo seperti pembinaan Pusat Pentadbiran dan Penerokaan Pelawat, laluan pejalan kaki berbumbung, papan tanda penerangan berinteraktif dan sistem penataan cahaya untuk Night Safari telah siap pada November 2011.



Perkhidmatan pengangkutan tram di Zoo Taiping & Night Safari

Bagi memastikan Zoo Taiping mematuhi prosedur dan piawaian baru yang ditetapkan oleh Jabatan Perhilitan, NCIA dan pihak pengurusan zoo sedang merancang untuk menaik taraf kerja-kerja tambahan termasuk penghijauan persekitaran pintu masuk utama zoo dan mewujudkan dua tarikan baru. Kerja-kerja menaik taraf ini dijangka siap pada suku ketiga 2013.

## KOMPLEKS SAYONG RIVERFRONT DI BANDAR DIRAJA, KUALA KANGSAR

Pembinaan Kompleks Sayong Riverfront seluas 13 ekar telah siap pada Jun 2011. Kompleks ini menampilkan beberapa ciri utama seperti pelantar laluan tepian sungai, jeti, pavilion karya seni dan kraftangan, restoran, dewan pameran serta bilik mesyuarat. Pengendalian kompleks ini dan pengurusan tepian sungai telah diserahkan sepenuhnya kepada Majlis Perbandaran Kuala Kangsar pada Julai 2011.

## PELANCONGAN KESIHATAN DI PULAU PINANG

Pulau Pinang merupakan destinasi pelancongan kesihatan utama di Malaysia, dengan rangkaian 7 buah hospital telah berjaya menarik pelancong dari ASEAN dan negara-negara Asia lain. Bagi mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan pelancongan kesihatan di Asia, NCIA bersama dengan hospital-hospital serta pihak-pihak lain yang terlibat telah merangka Pelan Induk Pelaksanaan Strategik 10 Tahun (2011-2020) untuk inisiatif Pelancongan Kesihatan Pulau Pinang.

Objektif utama NCIA pada tahun 2011 dan selanjutnya ialah untuk mengembangkan potensi pelancongan kesihatan di Pulau Pinang dengan menembusi pasaran baru di samping memberi penumpuan kepada rawatan dan perkhidmatan berkualiti tinggi.

Bagi menembusi pasaran baru, NCIA telah merangka Program Insentif Penerbangan untuk memperoleh penerbangan langsung yang baru dari pasaran sasaran ke Pulau Pinang. NCIA juga akan bekerjasama erat dengan ejen pelancongan tempatan dan luar negara untuk memastikan lawatan pelancong kesihatan ke Pulau Pinang adalah mudah dan lancar.





*Deer exhibit at Zoo Taiping & Night Safari*

## *ZOO TAIPING AND NIGHT SAFARI*

*The 50-year-old Zoo Taiping and Night Safari is a tourism icon for Koridor Utara that draws both local and foreign tourists. The Night Safari also attracts overnight stays to spur the demand for hotels, tour operators and eateries in Taiping. In 2010, NCIA started a series of upgrading works for the Zoo, which include a new Administrative Centre cum Visitor Discovery Centre, shaded walkways and viewing areas, installation of informative and interactive signage and enhanced low-illumination lighting systems for the Night Safari. Upgrading works were completed in November 2011.*

*To ensure Zoo Taiping meets the new compliance procedures and standards set by Jabatan Perhilitan, NCIA and the zoo management initiated additional upgrading works to naturalise its façade by greening the zoo's main entrance and creating two new attractions. The upgrading works is expected to be completed by the third quarter of 2013.*

## *SAYONG RIVERFRONT COMPLEX AT THE ROYAL HERITAGE CITY, KUALA KANGSAR*

*Construction of the 13-acre Sayong Riverfront was completed in June 2011. The riverfront includes key components such as a riverfront boardwalk, a jetty, an arts and handicraft pavilion, a restaurant, and an exhibition hall cum meeting venue. Since July 2011, the riverfront had been fully handed over to the Municipal Council of Kuala Kangsar to operate and manage.*



*Karyaneka building at Sayong Riverfront*

## *HEALTH TOURISM IN PENANG*

*Penang is currently Malaysia's largest medical tourism destination drawing tourists from ASEAN and Asian countries, with a network of 7 internationally renowned hospitals. To further enhance Penang's position as one of Asia's most preferred healthcare destinations, NCIA together with relevant stakeholders have developed a 10-year Strategic Implementation Master Plan (2011-2020) for Penang Health Tourism.*

*Our primary objective in 2011 and beyond is to grow the medical tourism potential in Penang by penetrating new markets while focusing on high-quality treatments and services.*

*As part of our aim to penetrate new markets, NCIA is developing a Flight Incentive Programme to attract and secure new direct flights from targeted markets into Penang. NCIA will also work closely with local and foreign travel agents to ensure a seamless journey for foreign patients from their origin countries into Penang hospitals.*



*Patient care-medical tourism*




Pemandangan sebahagian dari 99 pulau-pulau kecil di Langkawi



*View of Langkawi cable car at Burau Bay, Langkawi*

## BLUEPRINT PELANCONGAN LANGKAWI

Blueprint Pelancongan Langkawi 2011 - 2015 yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak pada Disember 2011 bertujuan menjadikan Langkawi antara 10 pulau destinasi eko-pelancongan terbaik dunia menjelang 2015. NCIA merupakan salah satu penyumbang utama pembentukan Blueprint tersebut, yang terdiri daripada 14 inisiatif meliputi tiga tema iaitu Produk, Infrastruktur dan Pemudahcara.

Melalui kerjasama dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Pihak Berkuasa Pembangunan Langkawi (LADA) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah, NCIA telah diamanahkan untuk menerajui pelaksanaan dua inisiatif iaitu Penginapan Mewah dan Vibrant North West (Inisiatif 4 dan 5). Selain itu, NCIA juga memainkan peranan sebagai pemudahcara dalam menaik taraf Kolej Komuniti Langkawi kepada status Akademi Pelancongan.

NCIA akan membantu pelabur di dalam usaha membangunkan lima buah hotel bertaraf 5 bintang dalam tempoh lima tahun akan datang. Usaha-usaha ini termasuk pembangunan sebuah pulau peranginan dan vila-vila mewah. NCIA juga akan memantapkan tawaran promosi pelaburan sedia ada supaya penglibatan pemaju-pemaju yang berkaliber dapat dipertingkatkan.

## *LANGKAWI TOURISM BLUEPRINT*

*Launched by the Honourable Prime Minister Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak in December 2011, the Langkawi Tourism Blueprint 2011 - 2015 aims to make the resort island among the world's top 10 islands and eco-tourism destination by 2015. NCIA was a key contributor to the formulation of the Blueprint, which produced a total of 14 initiatives across three themes – Product, Infrastructure and Enablers – to achieve this objective.*

*Working in collaboration with the Economic Planning Unit (EPU), Langkawi Development Authority (LADA) and Kedah State Economic Planning Unit, NCIA has been entrusted to lead the implementation of two product initiatives – Luxury Stays and Vibrant North West (Initiatives 4 and 5 respectively). In addition, NCIA is also playing a role to facilitate the upgrading of Kolej Komuniti Langkawi into a full-fledged Tourism Academy.*

*NCIA will facilitate the development of five new 5-star accommodation options over the next five years. This includes the development of an island resort and several luxury villas. As part of this process, NCIA will enhance the existing investment promotion offerings to ensure a better reach towards credible developers with good track records.*




*Sunset in Bukit Malut, Langkawi*



## SEKTOR LOGISTIK

*LOGISTICS SECTOR*



***Kuan Eu Jin***
Pengarah, Bahagian Logistik • *Director, Logistics Division*

**"Penambahbaikan infrastruktur logistik yang lebih efisien akan mendorong Koridor Utara menembusi pasaran dengan lebih berkesan, di samping menarik modal insan berkemahiran tinggi di wilayah ini agar menjadi pilihan utama bagi sektor pembuatan, pertanian dan pelancongan serta kehidupan."**

***"Enhancing connectivity and outreach. Efficient logistics allows Koridor Utara to better tap markets and talent from the region to become the default choice for Manufacturing, Agriculture, Tourism and living."***

Koridor Utara mempunyai ekosistem dan rangkaian hubungan logistik yang kukuh, sesuai dengan peranannya sebagai pemudahcara utama bukan sahaja kepada sektor pembuatan, malah kepada industri pelancongan dan pertanian sejak 40 tahun lalu. Hakikatnya, di antara penyebab utama kejayaan Koridor Utara adalah hubungan logistiknya yang lengkap, yang telah mendorong perkembangan ekonomi serta mobiliti penduduk setempat. Infrastruktur pengangkutan dan logistik yang mantap ini terdiri daripada pelabuhan dan lapangan terbang antarabangsa, Lebuhraya Utara-Selatan serta rangkaian jalanraya yang meluas. Berdasarkan momentum pembangunannya yang kian meningkat, Koridor Utara akan terus meningkatkan penambahbaikan infrastruktur apabila Jambatan Kedua Pulau Pinang, projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar dan pembesaran Terminal Penumpang Lapangan Terbang Bayan Lepas siap kelak.




Persekitaran yang perlu untuk membentuk hab logistik yang berjaya

Kemudahan dalam memperolehi bekalan bahan mentah dan akses kepada pasaran-pasaran antarabangsa merupakan faktor pendorong utama dalam persaingan untuk mendapatkan pelaburan langsung asing. Oleh yang demikian, Koridor Utara perlu mengukuhkan lagi infrastruktur sedia ada dan mempertingkatkan kecekapan rantaian bekalannya agar lebih kompetitif. Pada tahun 2011, NCIA telah menumpukan usaha untuk melaksanakan program penambahbaikan infrastruktur fizikal dan bukan fizikal, di samping menarik pelaburan pemangkin bagi industri logistik.

### Pengangkutan Bertaraf Dunia

#### Skim Penyuraian Lalulintas Jambatan Kedua Pulau Pinang

Jambatan Kedua Pulau Pinang yang akan menghubungkan Batu Kawan di Seberang Perai dengan Batu Maung di Pulau Pinang dijangka siap pada September 2013. NCIA dan Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB), pemilik konsesi bagi Jambatan Kedua Pulau Pinang, menyedari bahawa pelaburan infrastruktur yang besar oleh Kerajaan tidak akan dimanfaatkan sepenuhnya jika jalan-jalan penghubungnya mengalami kesesakan lalulintas.

Justeru, pihak JKSB telah mengemukakan cadangan untuk membina dua jalan raya penghubung bagi meningkatkan kapasiti penyuraian lalulintas ke / dari Jambatan Kedua Pulau Pinang. NCIA akan membantu pihak JKSB untuk menyelaras pelaksanaan kedua-dua projek yang dicadangkan ini.

Projek ini dijangka dapat mengurangkan kesesakan di Lebuh Raya Tun Dr Lim Chong Eu dan memendekkan jarak perjalanan dari Batu Kawan ke George Town, Bayan Baru dan Terminal Penumpang Lapangan Terbang; serta seterusnya memangkin pertumbuhan Batu Kawan sebagai hab industri Elektrik dan Elektronik (E&E) yang kedua di Pulau Pinang.





*Construction of 2nd Penang Bridge well underway*

*Koridor Utara has a well-established logistics eco-system and linkages, as it has been a key enabler primarily to the manufacturing but also to the tourism and agriculture industries for the past 40 years. It goes without saying that the vibrancy of Koridor Utara has been boosted with these logistics linkages, allowing population growth and mobility. The key transportation and logistics infrastructure that underlies this is an international airport, an international port, the North South Expressway and the extensive road network. Based on its ever increasing growth momentum, Koridor Utara will also see further infrastructure enhancements in the form of the 2nd Penang Bridge, the Ipoh-Padang Besar Electrified Double-Tracking project and expansion of the Bayan Lepas Airport Passenger Terminal.*

*As the competition for foreign direct investments is attributed significantly to the ease of supply of raw materials and access to consumer markets, Koridor Utara needs to strengthen its existing infrastructure and make its supply chains more efficient to stay competitive. For 2011, NCIA focused on improving the hard and soft components of this infrastructure, while attracting catalytic logistics investments for the industry.*

### *World Class Transportation*

#### *2nd Penang Bridge Traffic Dispersal Scheme*

